

# 217 guru SAR mohon diserap ke sekolah kelolaan kementerian

UM 23 JAN 2003

KOTA BHARU 22 Jan. — Sebanyak 217 guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kelantan telah mengemukakan permohonan untuk diserapkan ke sekolah-sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan sehingga Khamis lalu.

Pengarah Pendidikan Kelantan, Datuk Shafii Ismail berkata, mereka merupakan sebahagian daripada kira-kira 1,161 guru SAR yang terdapat di negeri ini.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan lebih ramai guru SAR akan berbuat demikian berikutan pelawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

“Permohonan masih terbuka dan ia dibuat berdasarkan prosedur yang ada,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota Persekutuan Kelantan (Maskap) di Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di sini, hari ini.

Shafii berkata, sehingga kini seramai 1,643 pelajar SAR telah memulakan persekolahan masing-masing di sekolah-sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan sejak musim persekolahan dibuka tahun ini.

Beliau berkata, pelajar-pelajar itu merupakan sebahagian dari-

pada kira-kira 22,000 pelajar SAR yang terdapat di seluruh Kelantan.

“Jabatan Pendidikan Negeri menerima permohonan lebih 2,000 pelajar SAR yang ingin meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah kerajaan,” katanya.

Perdana Menteri ketika berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Lanas, Jeli Khamis lalu, mempelawa semua guru yang mengajar di SAR menjadi guru sementara di sekolah-sekolah kebangsaan.